

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU**  
**KAWASAN : SARIKEI**  
**TARIKH : 25 MEI 2016, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG LING BIU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apabila membina Lebuhraya Pan Borneo, adakah tempat-tempat kerap berlaku kemalangan akan dibina terlebih dahulu seperti jalan raya dari Bukit Sebangkoi ke Pekan Jakar di Sarikei. Kalau ada, bila pembinaan akan dimulakan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebu Raya Pan Borneo Sarawak telah dipecahkan kepada 11 pakej utama. Pakej-pakej yang terlibat itu akan ditender dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun lalu (2015). Manakala pakej yang terakhir dirancang untuk dimulakan pada bulan November 2016.

Penetapan tempoh pelaksanaan setiap fasa dibuat berasaskan kepada faktor-faktor seperti tempoh masa yang diperlukan untuk mereka bentuk pakej terlibat; kadar aliran trafik semasa dan juga faktor keselamatan serta keadaan geometri jalan. Bagi laluan dari Bukit Sebangkoi ke Pekan Jakar – untuk makluman Ahli Yang Berhormat – ia merupakan sebahagian atau termasuk dalam cadangan pelaksanaan skop Pakej 6, Lebu Raya Pan Borneo Sarawak. Pelaksanaan untuk sub-pakej tersebut – iaitu Bukit Sebangkoi dari Sg. Awik ke Sg. Paoh sepanjang 37.3km – dirancang akan dimulakan pada bulan September 2016 ini.

Sekian. Terima kasih.